

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Ini adalah satu kajian tentang pandangan dunia Melayu mengenai ekonomi. Keperluan untuk melaksanakan pembangunan ekonomi yang cemerlang dalam sesebuah negara semestinya melibatkan gandingan tenaga, buah fikiran dan kesanggupan untuk bekerja bersama-sama tanpa mengenal kaum. Penyatuan setiap individu yang terdiri dari pelbagai kaum ini akan membentuk sebuah masyarakat yang ideal dan seimbang kedudukannya dari ukuran agihan pendapatannya. Penglibatan semua kaum yang serata dalam pasaran buruh secara menyeluruh, diharapkan dapat memacu kestabilan ekonomi negara dan seterusnya memberi peluang kepada setiap ahli masyarakat untuk menikmati peluang-peluang ekonomi yang lebih baik. Justeru itu masyarakat majmuk yang didokongi oleh kerajaan dengan sokongan sektor swasta adalah agen yang bertindak sebagai pihak yang bertanggung jawab, telah menggariskan beberapa saranan melalui Rancangan Malaysia dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi mencapai matlamat tersebut.

Rancangan dan dasar ini dianjurkan bagi mengelakkan daripada berlakunya kepincangan dalam pembahagian pendapatan yang tidak sama

rata serta merapatkan jurang ekonomi yang terdapat di antara kaum. Agihan aktiviti ekonomi terutamanya dalam sektor perniagaan dan perdagangan yang merupakan sumbangan terbesar dalam pembangunan negara memperlihatkan penyertaan yang tidak seimbang dan dieksplotasikan oleh satu golongan sahaja. Dalam keadaan ini warga Melayu dikatakan terpinggir untuk bersaing dengan bangsa-bangsa lain terutamanya bangsa Cina.

Era kolonial telah lama berlalu namun kesan dan implikasinya terhadap sistem ekonomi orang Melayu amat kental dan sukar untuk diluputkan. Penempatan penduduk yang terikat pada kelas pekerjaan, menjadi salah satu faktor penyebab ketidakseimbangan ini berlaku. Percaturan ekonomi zaman kolonial tidak banyak memberi peluang kepada masyarakat Melayu untuk maju dan membangun tambahan lagi pmodenan di zaman itu berlaku secara mendadak dan mengancam nilai-nilai sosial budaya yang sudah lama menjadi pegangan mereka. Hal ini telah diperakui oleh Wan Abdul Kadir Yusoff dalam bukunya, **Islam dan Nasionalisme Budaya Melayu**,

Usaha kolonial membawa modernisasi kepada penduduk tempatan di negara ini, dalam keadaan-keadaan tertentu adalah bertentangan dengan nilai-nilai keagamaan seperti soal-soal moraliti, etika dan adat resam (1993:3).

Pertentangan dan perubahan nilai ini membawa implikasi yang begitu buruk terhadap masyarakat Melayu kerana pmodenan dan pembangunan yang dibuat hanyalah berlaku di pusat-pusat bandar yang didiami kebanyakannya oleh imigran-imigran Cina. Orang-orang Melayu yang tergugat dengan perubahan yang berupa pmodenan diperkenalkan Inggeris, menolak perubahan ini akan kekal di kawasan luar bandar dan masih mengamalkan aktiviti-aktiviti ekonomi tradisi yang hanya bertumpu kepada

ekonomi sara diri tanpa membawa apa-apa kelebihan atau keuntungan yang lumayan bagi memperbaiki taraf kehidupan mereka apakah lagi untuk menggiatkan sistem perniagaan yang teratur. Peluang ini direbut oleh orang-orang Cina dengan membuka pusat perniagaan dan perdagangan sekali gus menguasai sistem ekonomi sepenuhnya dengan meninggalkan orang-orang Melayu yang masih terbelenggu dalam kongkongan adat dan tradisi.

Fahaman-fahaman tentang pemodenan yang disebarluaskan oleh kolonial tidak diuar-uarkan secara berkesan melalui satu pendekatan yang senang difahami dan dituruti oleh orang-orang Melayu menyebabkan mereka berasa takut untuk menyertai aktiviti ekonomi moden, dibimbangi akan melanggar batasan agama telah mengekalkan mereka dalam sistem ekonomi yang lemah, miskin sebagaimana matlamat dan polisi kolonial terhadap golongan bumiputera ketika itu. Pendekatan-peridekatan tentang pemodenan dan sistem ekonomi moden tidak disampaikan dengan jelas membawa salah pengertian mereka terhadap sistem ekonomi moden yang dikatakan sekular.

Pemikiran masyarakat Melayu pada zaman kolonial yang keliru tetang pemodenan yang berpaksikan barat dengan idea-idea kapitalisme memberikan impak yang besar kepada bangsa Melayu menyebabkan mereka tidak bersedia untuk melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan ekonomi moden khususnya mencebur diri dalam bidang perniagaan dan pelaburan yang melibatkan riba bukannya menurut sistem ekonomi Islam. Menurut Khursid (1976) dalam *Studies in Islamic Economics* (ed) satu kumpulan kertas kerja yang dibentangkan sempena *Conference On Islamic Economy*, rangka kerja ekonomi Islam sebenarnya lebih luas pengertian dan peranannya

daripada sistem ekonomi itu sendiri. Pendekatannya perlu dilakukan secara menyeluruh dan holistik. Sememangnya kolonial Inggeris sengaja menggunakan cara pendekatan yang salah bagi menyelewangkan pemikiran orang-orang Melayu kerana dibimbangi orang Melayu yang merupakan golongan majoriti, sedar akan kepentingan ekonomi sebagai wahana pembangunan dan kemajuan akan bangun menentang seterusnya menggagalkan usaha-usaha mereka untuk mengikis kekayaan sumber hasil bijih, getah, padi dan seumpamanya yang menjadi tunggak pendapatan negara ketika itu.

Penyusunan semula masyarakat terutamanya dari segi penempatan dan agihan ekonomi selepas kemerdekaan seperti yang disarankan oleh DEB 1971 telah menganjurkan idea-idea penghijrahan orang-orang Melayu ke bandar-bandar bagi merebut peluang-peluang ekonomi yang dicadangkan oleh kerajaan. Proses perbandaran ini juga adalah salah satu daripada usaha kerajaan untuk membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang terkandung di dalam DEB (Mohd Razali Agus, 1997 : 29).

Perbandaran merupakan satu usaha yang dijalankan untuk meningkatkan taraf ekonomi Melayu. Penghijrahan dari desa ke kawasan bandar ataupun mengadakan proses membandarkan desa dilihat sebagai satu titik-tolak untuk memberi peluang kepada orang-orang Melayu menyertai kegiatan ekonomi moden. Bagi merealisasikan wawasan DEB, orang-orang Melayu juga digesa agar melakukan penghijrahan sikap atau minda Penghijrahan yang perlu dilakukan orang-orang Melayu mesti lebih mendalam maknanya tidak terhad untuk bekerja kuat ataupun mencuba nasib semata,

malahan mesti menanam sikap untuk lebih maju kedudukan status ekonominya daripada yang dahulu serta sanggup berlumba dalam mengejar kekayaan. Sebilangan besarnya, orang-orang Melayu yang berhijrah ke bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur hanya membanjiri kawasan-kawasan setinggan dengan menyertai ekonomi kelas rendah yang terlibat dalam sektor perburuhan, mereka kebanyakannya bekerja sebagai buruh am di kilang-kilang pengeluaran, bermiaga secara kecil-kecilan dan berpendapatan rendah. Sebagaimana satu kajian kes yang telah dilakukan oleh Norazit Selat (1997: 76) mendapati pendapatan pekerja Melayu sebagai buruh adalah rendah dan tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan mereka. Mereka yang mempunyai kemahiran yang tertentu bolehlah dianggap bernasib baik kerana tenaga mereka lebih dihargai dan mempunyai nilai penentuan yang lebih. Mereka yang tidak berkemahiran hanya mempunyai tenaga empat kerat mereka dan ini bermakna bahawa mereka menjalankan kerja-kerja yang buruk keadaan kerjanya dan bergaji rendah .

Hanya sesetengah golongan yang berpendidikan sekular berjaya mempertaruhkan nasib dalam pasaran ekonomi moden. Kemunculan usahawan-usahawan Melayu yang bergelar korporat masih tidak menggambarkan atau mewakili kejayaan orang Melayu kerana sebilangan besar manusia Melayu yang tinggal di luar bandar dengan mengamalkan sistem ekonomi tradisi. Mereka masih lagi mundur dan miskin serta terpinggir dari segala kemudahan yang ditawarkan oleh kerajaan seperti bantuan kewangan dan bengkel-bengkel kemahiran teknik dan vokasional. Sebaliknya golongan korporat Melayu ini sentiasa dipayungi oleh pihak kerajaan dengan

pelbagai sistem sokongan modal dan kawalan sumber. Lebih-lebih lagi status keistimewaan bumiputera yang diberikan, tidak memungkinkan usahawan Melayu setara dengan usahawan-usahawan bangsa lain. Ada yang berpendapat bahawa:

Kebanyakan ahli-ahli korporat ini lahir dari dasar *favoured and protected capitalism* yang diadakan oleh kerajaan. Mereka diberi pelbagai kemudahan supaya mereka berjaya. Golongan ini dinaungi oleh golongan-golongan politik tertentu, maka wujudlah hubungan di antara kedua-dua pihak tersebut (Norazit Selat, 1997 :V).

Keadaan ini mengakibatkan terdapatnya jurang ekonomi yang agak luas kerana agihan pendapatankekayaan yang tidak sama rata berlaku di kalangan Melayu bandar dengan Melayu luar bandar. Masyarakat Melayu luar bandar masih kekal di takuk lama disebabkan oleh kekurangan maklumat, ilmu pengetahuan, sokongan padu dan pengurusan kewangan yang lemah. Masalah ini akan terus membekalkan orang-orang Melayu sekiranya tidak berminat untuk menghadapi satu persaingan juga berikhtiar untuk memajukan diri dengan membolosi sistem ekonomi tradisi supaya setanding dengan bangsa-bangsa lain terutamanya, Cina.

Walaupun pihak kerajaan telah menjalankan beberapa polisi atau dasar yang sewajarnya bagi menolong orang-orang Melayu untuk meningkatkan taraf ekonomi dan stratifikasi sosial mereka namun kejayaan yang membanggakan belum lagi tercapai. Adalah difikirkan wujudnya beberapa faktor penyebab seperti kekurangan pengalaman, latihan, sokongan moral, kerjasama daripada pihak yang sudah berjaya, tidak kurang pula disebabkan oleh faktor sikap dan nilai (Mahathir Mohammad, 1997). Ada pendapat yang mengatakan bahawa, masyarakat Melayu amat dipengaruhi

oleh nilai-nilai sosial yang berbagai-bagai seperti desakan untuk merebut kuasa amat bersaing dengan peluang untuk mendapat kekayaan. Angkara kedua-kedua ini menyebabkan perpecahan berlaku akibat salah faham parti politik yang berbeza (Wan Kadir Yusof, 1997: 107). Perpecahan yang berlaku akibat daripada fahaman politik yang berbeza, sekali gus melemahkan sistem ekonomi Melayu.

Anjakan paradigma dan pandangan dunia masyarakat Melayu perlu mengalami satu proses perubahan atau reformasi. Sikap takut kepada risiko dan cepat berpuas hati dengan apa yang dimiliki masih, menyelubungi jiwa nurani Melayu. Konsep 'Rezeki Secupak Tidak Akan Jadi Segantang' tidak boleh lagi ditanam dalam minda Melayu sekiranya ingin maju dan membangun dari segi fizikal dan mental. Oleh itu sesetengah pegangan adat boleh diubahsuai atau dicernakan mengikut kesesuaian, supaya masyarakat Melayu boleh berubah nilai sosialnya selaras dengan kemajuan tanpa melanggar batasan agama Islam. Orang-orang Melayu kini sedang menjalani satu revolusi pemikiran. Menurut Mahathir Mohamad (1997: 124-1250) orang-orang Melayu perlu mengalami satu revolusi pemikiran yang diertikan sebagai perubahan yang mendadak untuk mencapai kemajuan. Tujuan untuk memperbaiki kedudukan orang-orang Melayu tanpa memusnahkan orang lain. Dan mengambil tempat yang sewajarnya dalam masyarakat Malaysia tanpa menggantikan tempat orang-orang lain. Revolusi ini patut mengambil kira tentang adat tetapi tidak sepatutnya terikat pada adat.

Dalam beberapa dekad ini, adalah tidak dapat dinafikan bahawa terdapatnya sebilangan orang Melayu dari kalangan generasi DEB yang

berjaya dalam aktiviti ekonomi moden, khususnya dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Golongan ini yang digelarkan oleh Mahathir Mohd sebagai 'Melayu Baru' adalah terdiri daripada mereka yang sanggup mengalami persaingan, menyahut cabaran, tidak takut kepada risiko dan bersedia mengalami perubahan mental. Golongan ini hanyalah segelintir sahaja, kebanyakannya mereka ini merupakan manusia Melayu yang sanggup menerima kritikan, belajar daripada kesalahan lampau, belajar meniru bagaimana orang-orang Cina atau bangsa lain dalam perniagaan dan bekerja kuat tanpa mengira masa untuk merapatkan jurang perbezaan ekonomi dengan bangsa Cina yang mememonopolikan urusan perniagaan dan perdagangan negara.

Kegagalan orang Melayu dalam menguasai sektor ekonomi moden dihubungkan dengan salah tafsiran terhadap ajaran agama(Weber,1965). Tidak keterlaluan dikatakan bahawa orang Melayu sendiri kurang yakin dan ceteak pengetahuannya terhadap dasar dan fungsi ekonomi Islam dalam kehidupan. Pendedahan dan pendekatan tentang sistem perbankan Islam dan pengurusan pernigaaan cara Islam yang menekankan ciri-ciri kesejahteraan mengikut al-Quran dan hadith tidak diperaktikkan. Kemunculan bank-bank Islam dengan polisi Islam adalah kurang untuk bersaing dengan sistem perbankan moden yang menyarankan riba, di mana orang-orang Melayu yang faham akan Islam sukar untuk berurus dalam komoditi, sedangkan Islam telah menggariskan segalanya. Kepentingan terhadap penubuhan bank-bank Islam dan syarikat kewangan Islam dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu yang berpegang teguh kepada ajaran Islam. Sungguhpun

begitu, penyertaan masyarakat Melayu yang beragama Islam masih juga berkurangan.

Melayu dan Islam adalah bersinonim di negara ini kerana orang-orang Melayu ditafsirkankan sebagai penganut Islam, sememangnya mereka amat sensitif terhadap agama kerana Islam dijadikan panduan hidup dalam semua aspek. Dengan penubuhan-penubuhan institusi kewangan cara Islam atau sistem perbankan Islam, persepsi barat terhadap Melayu mungkin akan berubah, fahaman sekular yang mengatakan bahawa agama adalah sebagai kekangan utama bagi kemunduran dan kemiskinan orang-orang Melayu akan terhapus. Pendapat Weber(1904-1905) dalam *The Protestant Ethic and The Spirit of Capitalism* yang kini lebih dikenali sebagai Tesis Weber telah mengatakan fungsi-fungsi keagamaan sebagai angkubah tidak terikat di dalam pembangunan sosial, satu tema yang dikemukakan oleh Weber dalam penyelidikan mengenai kemunculan ekonomi di barat. Pendapat yang ditujukan terhadap orang-orang Islam telah disanggah. Islam amat menggalakkan umatnya menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan perdagangan kerana ia akan memanjangkan akal seperti sabda baginda Nabi Muhamad S.A.W. yang berbunyi :

Seseorang yang meninggalkan perniagaan sebenarnya hilang dua per tiga daripada kecerdikannya. Oleh itu, janganlah meninggalkan perniagaan sebab perbuatan itu sama dengan menghilangkan kecerdikan. Ikutilah cara itu untuk menanggung keluargamu.

Permasalahan-permasalahan yang timbul di sini lebih merupakan kepada permasalahan dalaman orang Melayu, berupa sikap dan pemikiran yang akan dikaji dalam penyelidikan ini. Permasalahan-permasalahan ini amat

mempengaruhi kedudukan orang-orang Melayu dalam sektor ekonomi terutamanya untuk menjelaskan jurang ekonomi sama ada semakin rapat ataupun semakin jauh ketinggalan berbanding dengan orang-orang Cina, dalam mencapai matlamat DEB sebagaimana aspirasi kerajaan.

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif penting. Objektif utamanya adalah untuk :

1. Memahami secara umum pandangan dunia Melayu, kajian ini tertumpu kepada pandangan dunia Melayu mengenai ekonomi.
2. Menghuraikan aspek-aspek pandangan dunia Melayu tentang ekonomi yang tertumpu kepada konsep-konsep rezeki, berkat, malu dan riba.
3. Mengenal pasti apakah agama Islam mempengaruhi pandangan dunia Melayu khususnya konsep-konsep dari al-Quran iaitu rezeki, berkat dan riba .

1.2 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang perlu diambil kira untuk mencapai matlamat kajian . Antara kepentingan-kepentingan kajian adalah seperti berikut :

1. Kajian yang dijalankan adalah penting untuk melihat sejauh mana orang-orang Melayu dapat menjalani aktiviti perniagaan menjual makanan dalam sebuah masyarakat yang majoritinya dihuni oleh orang-orang Cina serta premis perniagaan yang banyak dikuasai oleh orang-orang Cina.

2. Melihat sistem pengurusan perniagaan makanan yang dikendalikan oleh peniaga-peniaga Melayu yang merangkumi aspek-aspek modal, tenaga buruh, lokasi dan kendalian kewangan.
3. Mengetahui faktor-faktor kejayaan atau kegagalan peniaga-peniaga Melayu yang bersaing dengan peniaga-peniaga bukan Melayu.
4. Mengenalpasti sistem pengurusan perniagaan Melayu yang berjaya agar dapat dijadikan pedoman kepada peniaga-peniaga Melayu seterusnya.
5. Mengenalpasti masalah-masalah dankekangan-kekangan yang dihadapi oleh peniaga-peniaga Melayu terutama dalam aspek modal dan pengurusan kewangan.

1.3 Batasan Kajian

Dalam penulisan ilmiah ini, pengkaji menumpukan kajian dan penyelidikan terhadap aktiviti perniagaan makanan yang diceburi oleh orang-orang Melayu di Utara Subang Jaya (USJ 9 dan 10) sahaja dan melibatkan lima buah restoran iaitu Restoran Hassan, Restoran Endang 1, Restoran Endang 2, Restoran Nurul Huda dan Restoran Zarina. Pemilihan ini berdasarkan kecenderungan mereka dalam menghadapi persaingan dengan bangsa-bangsa lain seperti Cina dan India Muslim (mamak). Batasan kajian lokasi perniagaan adalah berdasarkan banyaknya premis perniagaan Melayu berbanding dengan kawasan-kawasan lain di USJ yang kebanyakannya dimonopolikan oleh peniaga-peniaga Cina. Kawasan tumpuan kajian diberikan kepada pusat dagangan utama kawasan ini yang dikenali sebagai Taipan Crest, terletak di USJ 10 dan Business Centre, USJ 9. Taipan Crest telah

menyediakan lebih 300 lot premis perniagaan manakala Business Centre pula telah menyediakan sebanyak lebih 200 lot premis perniagaan. Kedua-dua pusat dagangan ini dijadikan sebagai latar kajian kerana ia merupakan *main* atau *centre* USJ dan nadi utama aktiviti perniagaan bagi kawasan Utara Subang Jaya. Restoran eksklusif dan gerai hantu di pinggir jalan raya tidak dijadikan sebagai kajian kes kerana bilangannya terlalu sedikit manakala perniagaan jenis gerai adalah berada di luar kawasan kajian (USJ 9 dan 10). Penamaan restoran eksklusif, gerai dan gerai hantu (nama yang diberikan oleh pengkaji berdasarkan beberapa faktor) hanya sebagai pernyataan terhadap jenis-jenis perniagaan makanan di kawasan USJ.

1.4 Kaedah Kajian

Dalam usaha menjalankan kajian dan penyelidikan ini, beberapa kaedah kajian atau metodologi yang telah dilakukan bagi tujuan penyempurnaan disertasi. Kaedah-kaedah yang digunakan adalah bersesuaian dengan permasalahan-permasalahan dan pendekatan kerja lapangan (*field work*) dari Disember 2002 hingga Februari 2004. Kaedah-kaedahnya seperti yang dihuraikan di bawah.

1.4.1 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data yang berkaitan diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Negara, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Ibu pejabat SIME UEP Developer Subang Jaya, Bahagian Perancang Ekonomi Negara Kuala Lumpur dan penduduk-penduduk di sekitar kawasan USJ 11 (USJ 10 hanya

merupakan kawasan pusat perniagaan sahaja) dan USJ 9 tentang pendapatan mereka dan kecenderungan utama mereka mengunjungi premis perniagaan makanan. Pengumpulan data yang tepat diperlukan untuk membandingkan beberapa perkara yang menunjukkan perbezaan dari segi jumlah penduduk mengikut klasifikasi kaum, premis perniagaan dan jenis perniagaan yang dijalankan.

1.4.2 Kaedah Analisis Data

Data-data yang diperolehi dan dikumpul telah dianalisis untuk melihat beberapa perbezaan dan persamaan bagi menerangkan akan keesahan maklumat yang diterima, terutamanya yang melibatkan carta, graf dan rajah. Analisis juga diadakan terhadap soal selidik (*questionnaire*) atau maklumat balas daripada pengguna kawasan yang dikaji.

1.4.3 Kaedah Temubual (*interview*)

Kaedah ini penting untuk mendapatkan maklumat langsung daripada peniaga sendiri dan beberapa orang pegawai perancang pembangunan di Majlis Perbandaran Subang Jaya untuk mengetahui tentang projek pembangunan yang memberi peluang perniagaan kepada masyarakat Melayu sekitar USJ. Temubual-temubual juga diadakan bersama informan-informan (Lihat lampiran A) terbabit secara langsung dalam kajian ini seperti peniaga-peniaga Melayu yang beroperasi di kawasan kajian, pegawai-pegawai tadbir di Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan pelanggan-pelanggan yang berkunjung di beberapa premis kajian.

1.4.4 Kaedah Keperpustakaan

Kaedah keperpustakaan dilakukan untuk mengumpul maklumat-maklumat bertulis yang dijalankan secara giat di Perpustakaan Induk Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti Ekonomi Universiti Malaya, Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur Perpustakaan Hipermédia, USJ 9 Subang Jaya dan Perpustakaan Negeri, Shah Alam, Selangor.

1.4.5 Kaedah Pemantauan dan Pemerhatian

Beberapa pemantauan dan pemerhatian telah dilakukan dalam penyelidikan saintifik ini. Pemantauan ini dilakukan selama enam bulan untuk mendapatkan gambaran yang tepat dan analitik. Pemerhatian dilakukan untuk melihat cara-cara kendalian dan pengurusan perniagaan yang dilakukan oleh orang-orang Melayu. Selain itu pemerhatian turut dilakukan di premis-premis perniagaan orang-orang Cina dan India Muslim untuk melihat beberapa persamaan dan perbezaan. Persamaan dan perbezaan yang didapati merupakan ukurantara kemajuan dan kejayaan dalam sesuatu bidang perniagaan yang diceburi.

1.5 Kajian-Kajian Lepas

Terdapat banyak kajian dan penyelidikan yang dilakukan oleh pelbagai pihak bagi menyatakan keperihalan sistem ekonomi Melayu. Kajian dan

penyelidikan yang dibuat melalui penulisan ilmiah, bermula dari zaman kolonial, kajian-kajian banyak dijalankan oleh pentadbir-pentadbir Inggeris semasa bertugas di Kepulauan Melayu dahulu. Ekonomi Melayu yang dikaji mereka berteraskan kepada matlamat mereka untuk mengetahui sejauh mana keupayaan orang-orang Melayu dalam pengurusan ekonomi terutamanya bidang perniagaan bagi memudahkan mereka menguasai sistem ekonomi di Tanah Melayu. Sudut pandangan, pendapat dan pemerhatian yang dilakukan adalah tidak jujur, berat sebelah dan menggambarkan kelemahan orang-orang Melayu yang keterlaluan tanpa mengadakan sebarang pemulihan ke arah kemajuan ekonomi. Kritikan yang tidak membina terhadap kemiskinan dan kelemahan orang-orang Melayu dalam sektor ekonomi moden akibat pandangan dunia mereka yang bertentangan dengan kapitalisme telah menjadi 'trade mark' bagi orang-orang Melayu sehingga ke zaman alaf baru ini.

Kajian tentang orang-orang Melayu banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan mahupun barat adalah berkisar pada sifat-sifat orang Melayu dan perlakuan mereka. Daripada aktiviti ekonomi dan sosial yang dilakukan dalam masyarakat Melayu, terdapat pengkaji-pengkaji barat yang sewenang-wenangnya mengatakan bahawa itulah pemikiran Melayu keseluruhannya, seterusnya melabelkan orang-orang Melayu sebagai satu bangsa yang lemah. Pengkaji-pengkaji yang beridealogi kapitalis cepat membuat pentafsiran bahawa kelemahan orang-orang Melayu dalam sektor ekonomi adalah berpunca daripada pandangan dunia Melayu yang dianggap berbeza dengan bangsa-bangsa lain walaupun mendiami sebuah negara yang sama.

Frank Swettenham dalam bukunya **British Malaya** (1955) mendapati orang-orang Melayu adalah bangsa yang tidak suka bekerja. Menurut beliau, orang Melayu tidak suka dengan kerja yang berterusan dan terlalu berat atau terikat, tetapi kalau diberi rangsangan dalam kerja, mereka akan melakukan keajaiban. Beliau juga mengatakan orang Melayu tidak mempunyai ikhtiar(insiatif) sama sekali. Mereka hanya melakukan apa yang disuruh oleh ketua mereka tanpa mengira sama ada kelakuan itu mendatangkan faedah kepada diri sendiri atau tidak. Frank Swettenham menjelaskan bahawa kemalasan orang-orang Melayu disebabkan cuaca yang menyebabkan mereka suka berehat dan ingin mencapai hasil tersebut.

Dalam bukunya, **Malay Sketches**, Frank Swettenham(1884 :3) mengatakan bahawa orang-orang Melayu itu malas, pandai meniru, berjudi, bersabung ayam serta tidak mementingkan masa.

Sir Hugh Clifford dalam bukunya, **In Court and Kampong** (1897), menulis tentang orang Melayu di Pantai Timur. Orang Melayu di Trengganu digambarkan sebagai orang yang mencintai keamanan. Mereka lebih berminat dalam perdagangan dan pekerjaan. Mereka tidak berapa bangga terhadap bangsa dan negeri sendiri seperti orang Pahang. Sementara orang di Kelantan disifatkan tidak ada harga diri, kasar, peka dan berani. Mereka handal dalam bidang perkapalan tetapi mereka juga mempunyai tabiat mencuri. Selain perbezaan tersebut, beliau juga membuktikan persamaan antara orang-orang di Pantai Timur. Persamaan antara orang-orang di Pantai Timur ialah bekerja keras, menjadi tua dengan cepat, kurang berkembang serta kurang mengalami perubahan.

Richmond Wheeler dalam bukunya *The Modern Malay*, membicarakan kesan atau peranan Islam ke atas sifat orang Melayu. Islam berfungsi untuk menyatu padukan orang-orang Islam. Beliau juga memerhatikan keengganan orang Melayu untuk bekerja apabila mereka sudah memenuhi keperluan dan mereka hanya menanam padi untuk keperluan mereka sendiri. Selain itu, beliau menjelaskan bahawa suasana dan keadaan mendatangkan sikap berbeza antara pendatang dan orang Melayu kerana orang Melayu tidak perlu bekerja teruk untuk hidup sementara pendatang mesti bekerja keras untuk pulang ke negara asal dengan harta yang diperolehnya. Orang Melayu tidak mementingkan harta benda dalam dunia ini dan mereka berasa puas hati dalam kehidupan dan suasana aman. Beliau juga mendapati sifat jinak dan ramah orang Melayu mungkin disebabkan oleh alam sekitar, cuaca dan agama.

Pendeta Za'ba merupakan tokoh Melayu terawal mengkaji tentang orang-orang Melayu dan pandangan dunia mereka terhadap ekonomi dan sosial. Pemikiran beliau yang kritis banyak menyumbang ke arah perkembangan dasar ekonomi Tanah Melayu ketika itu. Melalui tulisan-tulisan beliau yang mengkritik tentang dasar ekonomi Inggeris terhadap orang-orang Melayu hebat diperkatakan sehingga kini dan mencetus idea baru ke arah pembentukan DEB. Beliau mengatakan sikap negatif orang-orang Melayu itu sendiri membuatkan mereka jauh ketinggalan berbanding dengan kaum bukan Melayu. Beliau menyatakan bahawa :

Orang-orang kita Melayu ini pada hitungnya atau jumlahnya ialah kaum yang tersangat lengkap dan nyata daripada kaum-kaum lain sifat kebangsaannya dan ialah juga sebenar-benarnya kekurangan yang menjadikan mereka kalah atau ketinggalan di belakang dalam perlumbaan kemajuan. Miskin pada wang ringgit dan harta benda, miskin pada hemah

dan cita-cita, miskin pada pelajaran dan latihan pengetahuan, miskin pada alat-alat kelengkapan otak dan pada beberapa sifat keperanganian yang tinggi dan mulia jadilah mereka tak dapat tiada tersangkut dan ketinggalan dalam perjalanan bangsa-bangsa (Za'ba dalam Adnan Hj. Nawang, 1995 : 191).

Za'ba dalam bukunya, **Asal-Usul Kemajuan atau Falsafah Takdir dalam Agama Islam** (1932) kemudiannya telah disunting semula oleh Hamdan Hassan dengan tajuk, **Falsafah Takdir** (1980: 31) telah mengatakan bahawa Za'ba telah berpendapat bahawa orang-orang Melayu sering menyalah ertikan (salah tafsir) terhadap takdir yang dikatakan tersurat sejak azali di *Ioh Mahfuz*, manusia sebagai khalifah (wakil Allah di bumi) telah diberikan akal untuk melakukan sesuatu pekerjaan, di mana manusia boleh berfikir untuk kebaikan mereka bukannya menyalahkan takdir atau berserah pada nasib semata-mata. Za'ba juga turut menyatakan bahawa nasib adalah janji yang tersurat sebagaimana yang diperbahasakan sebagai 'rezeki secupuk tak akan jadi segantang'. Za'ba begitu kukuh berpegang pada sandaran dalil daripada Al-Quran untuk menguatkan dakwaan manusia perlu menggunakan akal fikiran untuk melakukan sesuatu pekerjaan di mana beliau telah memetik firman Allah yang bermaksud "*segala pujian bagi Allah yang telah menunjukkan kami jalan ini dan kami tentulah tidak mendapat petunjuk jalan ini sekiranya Allah taala, tidak menunjukkan kami* (surah Al-Araf, 43).

Ungku Abdul Aziz (1975: 12) dalam bukunya **Jejak-Jejak di Pantai Zaman** yang menyorot tentang pandangan Za'ba terhadap pandangan dunia orang-orang Melayu terhadap ekonomi yang mereka alami. Beliau menegaskan bahawa keadaan puas hati yang kelihatan antara orang

Melayu itu adalah disebabkan oleh perasaan segan mereka. Kesederhanaan mereka pula diwarisi dari tekanan feudal dan penindasan yang mereka alami. Kelemahan orang Melayu iaitu kemiskinan, keadaan puas hati dan kesederhanaannya boleh diperbaiki jika diberi pelajaran lebih baik kepada orang-orang Melayu. Kemudian mereka akan mempunyai keyakinan diri sendiri (iaitu berdikari).

Michael G. Swift (1965) dalam bukunya **Malay Peasant Society** iaitu kajian masyarakat Melayu di Jelebu Negeri Sembilan menyatakan bahawa seseorang tidak beroleh kejayaan sebagaimana jiran-jirannya, tidak akan merasa bahawa ia adalah seseorang yang kurang usaha atau kurang kebolehan tetapi ialah kerana ia tidak mempunyai 'rezeki'. Seorang yang membuka kedai kecil atau mencuba tanaman baru telah tidak menemui kejayaan dalam usaha-usahanya itu juga tidak mempunyai 'rezeki'. Lain-lain kenyataan meluasnya pengaruh pandangan sebegini. Juga dapat dilihat dari segi kata-kata kadar rezeki sudah secupak, takkan jadi segantang, Swift juga mengkritik isi kandungan khutbah Jumaat yang didengarnya dan membuat kesimpulan bahawa sebahagian daripada penganut Islam di Jelebu memberi perhatian berat sekali terhadap aktiviti-aktiviti keduniaan yang dapat memperbaiki taraf peghidupan material mereka. Golongan ini berpendapat harta benda dan wang ringgit adalah 'daki dunia' dan menganggap dunia ini untuk orang-orang kafir sahaja malahan dunia ini tempat persinggahan semata-mata dalam perjalanan ke akhirat.

Intisari Tesis Weber (1965) memperkatakan tentang fungsi-fungsi ideologi keagamaan sebagai satu angkubah tidak terikat dalam pembangunan

sosial, satu tema yang dikemukakan mengenai kemunculan sistem ekonomi kapitalis di barat. Weber berpendapat kelahiran agama Protestan adalah ekoran daripada reformasi ekonomi di Eropah, bukanlah satu kebetulan. Ideologi Protestan dikatakan menyediakan keadaan psikologi yang amat bersesuaian untuk mewujudkan ekonomi kapitalis. Dua doktrin yang dikemukakan pertama, *the calling*. Doktrin *the calling* menganjurkan bahawa tiap-tiap pengikut atau tugas yang telahpun ditentukan tuhan dan tugas itu mesti dilakukan bersungguh-sungguh dengan penuh rasa tanggung jawab. menyatakan bahawa setiap manusia mendapat mandat daripada tuhan untuk menyertai kegiatan-kegiatan ekonomi. Mereka adalah terpilih untuk bergiat aktif melalui aktiviti ekonomi dan berusaha untuk mencipta *Kingdom of God* di dunia. Weber melihat ideologi agama ini mendorong umatnya supaya berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi seterusnya memperoleh kekayaan.

Doktrin keduanya iaitu *predestination* menyatakan bahawa orang yang mendapat *salvation* atau rahmat di hari akhirat sudahpun dipilih awal-awal lagi oleh tuhan dan dapat diketahui oleh manusia ketika masih berada di dunia. Hal ini membawa fahaman bahawa sesiapa yang dapat mengumpul harta kekayaan dan kekuasaan itu tidak dapat mengumpul harta kekayaan dan kekuasaan itu tidak akan diperolehi kiranya tidak dengan berkat dan limpah kurnia tuhan.

Fahaman yang dikemukakan oleh Weber secara tidak langsungnya mengkritik fahaman-fahaman agama lain khususnya Islam yang mengutarakan konsep qada' dan qadar sebagaimana dikatakan segala sesuatu kejayaan

adalah ditentukan Allah. Sedangkan Islam menyeru umatnya berusaha untuk mengubah nasib. Fahaman-fahaman cetek terhadap agama menyukarkan kejayaan orang-orang Melayu dalam bidang perniagaan.

Sebelum menjelangnya zaman DEB, seorang tokoh Inggeris, Brian Parkinson (1967) telah membuat kajian tentang kependudukan orang-orang Melayu di kawasan luar bandar. Beliau juga turut membahaskan fahaman Weber tentang faktor keagamaan sebagai penentu kejayaan kegiatan ekonomi manusia. Beliau mengemaskin Islam yang menyebabkan orang-orang Melayu malas berusaha yang semata-mata menerima nasib yang ada pada mereka. Di sini dapatlah kita lihat bahawa sebenarnya Parkinson tidak memahami apa itu Islam. Parkinson berpendapat:

The Islamic belief that all things are emanations from God is another important force effecting the Malay's economic behaviour, for it tends to make them fatalistic in their approach to life (1967: 336)

Parkinson juga beranggapan konsep nasib, rezeki, qada' dan qadar dalam ajaran Islam merupakan satu fatalisme kepada masyarakat Melayu. Beliau juga mempercayai bahawa aqidah qada' dan qadar adalah asas untuk lahirnya sikap fatalis. Fatalisme ini tidak sekali-kali mendorong mereka supaya berusaha untuk menguasai alam atau berusaha memajukan diri mereka melalui perubahan-perubahan tetapi ini adalah satu penghalang besar terhadap kemajuan ekonomi yang mungkin mereka capai.

Mohd Fauzi Yaakub (1969) mempunyai pandangan yang berbeza dengan Weber dan Parkinson. Beliau melihat konsep nasib, rezeki, qada' dan qadar dari persepsi sebagai seorang pengkaji Melayu Islam dengan menggunakan kerangka sosio-budaya masyarakat Melayu yang didiaminya

sejak dari dahulu lagi. Beliau dalam ulasan akhir tesisnya, **Agama dan Usaha Dalam Lapangan Ekonomi Orang Melayu** memberi kesimpulan bahawa terbantutnya kemajuan di lapangan ekonomi selama ini adalah disebabkan oleh wujudnya unsur-unsur yang tidak rasional yang dicampuradukkan dengan Islam dan menganggapnya sebagai sebahagian daripada ajaran-ajaran Islam. Bagi menghapuskan unsur-unsur bida'ah dan khurafat, pengajur-penganjur gerakan pembaharuan telah mengesyorkan penggunaan akal lebih meluas. Beliau juga berpendapat orang-orang Melayu yang ingin mencapai kejayaan tidak seharusnya menerima bulat-bulat akan sebarang fatwa atau ajaran-ajaran yang telah disampaikan oleh ulama-ulama di kampung, di mana pengetahuan mereka sendiri belum mendalam. Penggunaan akal tidak bertentangan dengan ajaran Islam malah ijihad, tidak taklid buta, adalah digalakkan. Mereka harus menggunakan akal untuk memeriksa dan memahami ajaran-ajaran Islam dan hanya dengan cara ini sahaja mereka jadi kuat kembali dan dapat menyaingi golongan yang memerintah mereka pada masa itu.

Syed Hussain Alattas (1972) dalam **The Weber Thesis and South East Asia** mengatakan lapangan perniagaan di mana dapat diperhatikan sebilangan peniaga-peniaga Islam yang berada di tingkat kemajuan yang tinggi misalnya di kalangan peniaga-peniaga Islam Muslim mengambil kesimpulan bahawa sebab sebenarnya kemunduran itu bukan kerana Islam. Perolehan dakwaan itu adalah berdasarkan kepada pemerhatian ke atas pengikut-pengikut Islam dan kegiatan serta kemajuan ekonomi mereka. Penyelidikan ini sekali gus menolak dakwaan Weber yang tidak berasas itu.

Syed Hussein Alatas dalam bukunya, **Siapa Yang Bersalah** (1974), mengakui beberapa sikap orang Melayu seperti sikap mengalah, tidak kasar, tidak berkeras dan sikap mudah menerima. Beliau menjelaskan bahawa walaupun bidang-bidang ekonomi, pendidikan, kebudayaan, kemasyarakatan Melayu ketinggalan ke belakang tetapi bidang pentadbiran dan sistem kerajaan orang Melayu terkemuka. Beliau menyatakan bahawa pandangan orang luar yang menggambarkan orang Melayu sebagai bangsa yang malas itu tidak tepat kerana beliau mengatakan pandangan itu muncul disebabkan oleh orang Melayu enggan bekerja di lombong-lombong timah orang putih.

Senu Abdul Rahman(1997:75) dalam bukunya **Revolusi Mental** mengatakan bahawa orang Melayu banyak sifat yang tidak baik iaitu kurang inisiatif, kurang ingin tahu, kurang berfikir secara rasional, kurang imiginasi, kurang bersikap realistik, kurang bersikap percaya diri sendiri,kurang mementingkan kekayaan, percaya kepada nasib menentukan segala-galanya, kurang usaha, kurang mementingkan kehidupan di dunia, tidak memandang ke depan, boros, kurang jimat cermat, tidak menghargai masa, tidak bersikap serius dan tidak berani mengambil risiko .

Mahathir Mohamad (1997: 116) dalam buku kontroversinya, **Dilema Melayu** banyak memperkatakan tentang permasalahan Melayu selepas zaman kemerdekaan. Beliau berpendapat bahawa, " *Orang-orang Melayu tinggi sifat kerohanianya, toleran dan suka bersenang-senang. Orang-orang bukan Melayu, terutama sekali orang-orang Cina adalah materialistik, agresif dan mempunyai kemahuan untuk bekerja*" .

Beliau juga telah memikirkan bahawa terdapatnya beberapa faktor yang menjadi penyebab kepada kemunduran masyarakat Melayu serta memberikan beberapa saranan untuk memulihkan keadaan ini daripada berlarutan setelah Rancangan Malaysia dan Dasar Ekonomi Baru dilancarkan. Beliau menyarankan pembandaran masyarakat Melayu dan perubahan nilai yang perlu dilakukan sebagai salah satu jalan keluar daripada kemelut ekonomi yang malap ini. Pendapat beliau :

Pembandaran dan perolehan kemahiran kerja secara dipaksa bukanlah satu revolusi, sekalipun dalam konteks masyarakat Melayu. Namun ia adalah merupakan satu perubahan yang radikal. Proses pembandaran adalah dengan sendirinya melibatkan proses mencabut orang-orang Melayu dari akar umbi, dari segi rohani dan jasmani, masyarakat luar bandar yang tradisional. Tidak dapat disangkal lagi dengan pembongkaran ini, nilai-nilai dan cara hidup yang lama mesti diganti dengan baru. Apa yang menyekat orang-orang Melayu adalah nilai-nilai lama dan cara hidup yang lama (1997: 135).

Syed Hussein Alatas(1989) dalam bukunya, **Mitos Peribumi Malas**, telah mengatakan bahawa orang-orang Melayu bukanlah terdiri daripada masyarakat yang malas tetapi mereka disisihkan kerana Inggeris pada zaman penjajahan telah membuatkan orang-orang Melayu terasa dihina dan maruah bangsa mereka tercemar apabila disuruh menjadi kuli di lombong-lombong bijih atau di ladang getah sedangkan Inggeris bermaharajalela sesuka hati menindas orang tempatan lalu meneruskan ekonomi tradisi. Tambahan lagi Inggeris sengaja mahu melemahkan orang-orang Melayu atau pekerja-pekerja bangsa lain dengan menjual candu yang ternyata ditolak oleh orang-orang Islam. Malahan agama Islam amat menggalakkan umatnya bekerja kuat. Beliau menolak sama sekali dakwaan orang-orang Melayu malas dan mengatakan bahawa pengkaji-pengkaji tempatan yang sentiasa

menggambarkan sifat-sifat negatif orang-orang Melayu adalah bersifat kapitalisme kolonial.

Mahathir Mohamad dalam teks ucapannya yang bertajuk, **Melayu Mudah Lupa** yang merupakan ucaptama beliau selaku presiden UMNO dalam Persidangan UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 21 Januari 2001 mengatakan orang-orang Melayu cepat menjadi kaya dan cepat pula menjadi miskin, adalah berdasarkan kepada konsep mereka seperti rezeki secupak tidak pernah jadi segantang, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang seolah-olah tidak ada hari esok bagi perniagaan Melayu. Beliau juga telah menyenaraikan lima faktor yang menyebabkan kelemahan orang-orang Melayu iaitu yang pertama ingatan mereka terlalu pendek. Selepas hanya dua generasi pengajaran daripada sejarah lama dan baru sudah dilupakan atau tidak difahami. Kedua, kemerdekaan tidak mempunyai makna yang sama kepada mereka yang dilahirkan dan membesar pada zaman penjajah. Ketiga, sukar terima konsep neo-kolonialisme. Ke-empat, orang Melayu mudah bersengketa dan berpecah. Kelima, orang Melayu masih tidak sanggup mengejar ilmu, tidak sanggup bekerja kuat, tidak mahu belajar pengurusan perniagaan dan menghadapi risiko perniagaan. Orang Melayu masih mencari jalan yang mudah untuk cepat kaya. Dan ini termasuklah menerima sogokan.

Bidang perniagaan yang diceburi orang-orang Melayu banyak dikaji oleh penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi awam untuk mengetahui tentang amalan dan penglibatan mereka secara khusus dalam aktiviti perniagaan moden dan kekesanannya dalam menghadapi persaingan dengan

peniaga-peniaga bangsa lain. Kajian-kajian tentang perniagaan kecil-kecilan seperti membuka perniagaan runcit (restoran makanan adalah sebahagiannya) sebagai satu pendekatan yang dijadikan ukurara paling sesuai untuk menyatakan penglibatan mereka yang sanggup bersaing dalam ekonomi moden.

1.6 Pernyataan Masalah

Ini adalah satu kajian mengenai *world-view* (pandangan dunia) orang-orang Melayu terhadap ekonomi yang mereka ceburi. Menurut Kamus Webster dalam Nadiah Abdul Rahman (2002: 53) pandangan dunia atau pandangan semesta boleh ditakrifkan sebagai satu pengkonsepsian tentang alam semesta dilihat secara menyeluruh dari sudut pandangan yang dipengaruhi oleh sistem nilai. Manakala pandangan dunia Melayu adalah merupakan sejumlah idea yang dirumus untuk berfikir sifat dan tujuan kewujudan alam semesta serta tempat dan destini terakhir manusia (Nadiah Abdul Rahman, 2002 : 53).

Pandangan dunia Melayu dapat dilihat daripada pelbagai aspek yang meliputi pandangan terhadap alam, alam ghaib yang meliputi pandangan terhadap orang lain dalam rangka hubungan kita-mereka (*we-they*). Pandangan-pandangan terhadap ketiga-tiga berpusat kepada manusia dan alam ghaib serta interaksi manusia dengan manusia. Atas kefahaman ini pandangan dunia Melayu dapat dikesan daripadanya ritual atau upacara sosial dalam falsafah Melayu yang tergambar melalui pantun, pepatah, perbilangan dan ungkapan sosial. Pandangan dunia Melayu dipengaruhi oleh agama Islam

dalam mana Tuhan dianggap sebagai penuh kekudusan atau kesucian manakala manusia pula dikenali sebagai khalifatullah fil-ardhi iaitu wakil Tuhan di bumi yang diberikan tugas untuk memakmurkan bumi (Nadiah Abdul Rahman (2002 : 54).

Hashim Musa dll (2001 : 171) menyatakan bahawa selepas kedatangan Islam ke Alam Melayu telah memantapkan keseluruhan pandangan semesta Melayu dan berlaku proses pentakrifan semula tentangnya. Ayat-ayat di dalam kitab suci Al-Quran bukan sahaja ditafsir untuk mengetahui segala yang tersembunyi dalam kewujudan Tuhan tetapi juga untuk mengukuhkan keyakinan, ketakwaan dan ketauhidan mereka kepada Allah s.w.t.

Lantaran pandangan semesta Melayu berpusat kepada manusia Melayu (non-centered) dan menyedari bahawa seluruh hidup mereka juga berfokus dan terarah kepada Tuhan (god-centered) maka manusia Melayu menyedari dan meyakini bahawa Allah s.w.t yang Maha Berkuasa, Maha Mengasihani. Justeru itu, pandangan semesta Melayu juga turut dibentuk berdasarkan kepada "hablumninallah" (hubungan manusia dengan Allah s.w.t) dan " hablumninnas" (hubungan manusia dengan manusia) (Hashim Musa, 2001 : 172).

Pengertian ekonomi meliputi beberapa bidang pemikiran yang berlainan takrifan dan konsep mengikut keterlibatan sesebuah masyarakat yang berlainan budaya. dengan lebih jelas dikatakan bahawa konsep ekonomi sesebuah masyarakat itu berbeza dengan sesebuah masyarakat yang lain walaupun telah menjalani beberapa aktiviti yang sama namun penilaian

terhadap ekonomi dan pengelolaannya dalam masyarakat adalah mengikut pandangan, persepsi dan tata pemikiran sesebuah kaum itu sendiri. Konsep ekonomi yang diistilahkan dalam konteks budaya Melayu sebenarnya lebih mahupun istilah bidang ekonomi itu sendiri.

Dalam masyarakat Melayu sehingga ke masyarakat Melayu hari ini, konsep ekonomi itu sering diistilahkan sebagai satu aktiviti pekerjaan yang mendatangkan hasil atau pendapatan untuk sara dan keluarga. Dalam sistem ekonomi Melayu terutamanya dalam lapangan perniagaan, terdapat beberapa konsep yang menjadi pegangan atau garis panduan untuk mereka mengharungi setiap bidang yang diceburi. Konsep-konsep itu meliputi konsep nilai yang merangkumi beberapa konsep lain seperti konsep rezeki, berkat dan riba, nasib (qada' dan qadar) dan malu. Konsep-konsep Quranik ini akan dilihat sebagai ukurantara faktor kejayaan atau kegagalan peniaga-peniaga Melayu.

Sistem nilai yang diikuti oleh orang-orang Melayu telah dijadikan satu faktor budaya yang mempengaruhi aktiviti ekonomi lebih-lebih lagi dalam bidang perniagaan yang mereka ceburi. Konsep nasib dan rezeki merupakan dua perkara yang melibatkan suatu pegangan dalam agama Islam. Persepsi terhadap kedua-dua konsep ini tidak seperti yang dilihat dari perspektif Islam semata kerana Islam telah menginterpretasikan kepercayaan qada' dan qadar dengan 'rezeki secupak tidak akan menjadi segantang' sebagaimana dalilnya dalam ayat-ayat al-Quran yang diturunkan. Interpretasi, hipotesis dan rumusan yang dibuat oleh pengkaji barat seperti Weber (1965) telah dilakukan menerusi kerangka barat. Weber telah membuat konsepsi terhadap ekonomi manusia dengan mengatakan peranan tenaga agama dalam melahirkan ode-

kapitalisme yang dianggap sebagai antara tenaga-tenaga yang terkuat sekali. Beliau juga telah mengatakan bahawa antara agama dengan ekonomi terdapat pertalian yang timbal balik, saling pengaruh-mempengaruhi. Oleh itu beliau telah mengaitkan Islam adalah faktor yang menyebabkan orang-orang Melayu menjadi miskin. Pemikir-pemikir barat seperti ini dengan mudah menuduh Islam sebagai penghalang kemajuan orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi moden seperti perniagaan kerana mempercayai akan kebenaran rukun Islam yang kelima iaitu kepercayaan kepada qada' dan qadar Allah yang menentukan segala tindak-tanduk dan nasib manusia. Fahaman sebegini amat mengelirukan dengan memesongkan etika yang berada dalam sistem nilai orang-orang Melayu itu sendiri. Pengertian qada' dan qadar dalam fahaman Islam adalah satu konotasi yang tidak dapat diungkai dengan pemikiran yang cetek malah perlu didalami dan difahami dalam istilah ketetapan yang ditakdirkan setelah usaha dilakukan oleh manusia itu sendiri.

Fahaman yang cetek tentang qada' dan qadar diperihalkan dengan peribahasa 'rezeki secupak tidak akan jadi segantang' menjadikan ia sebagai satu nilai orang Melayu kerana tidak terdapat dalam mana-mana bangsapun. Fahaman sebegini menjadi lebih kronik dalam kehidupan masyarakat Melayu yang kurang berpengetahuan agama dan bersikap lewa dalam menerima perubahan tanpa hadirnya kemahuhan untuk mengasimilasikan ajaran agama dengan kehidupan yang lebih mencabar. Golongan masyarakat Melayu-Islam yang pintar dan celik akal adalah merupakan golongan yang berjaya mendalami sistem nilai dalam konteks budaya dan mengakui kebenaran agama dengan menyingkirkan fahaman-fahaman kolot seperti yang

digambarkan dalam perbilangan, perumpamaan, peribahasa, simpulan bahasa, pepatah-petitih dan sebagainya. Namun fahaman-fahaman nilai yang diceruk dari ungkapan-ungkapan tadi juga memerlukan penelitian dengan akal yang rasional kerana mempunyai berapa banyak maksud yang tersirat dari yang tersurat seperti yang dikatakan 'rezeki secupak tidak akan jadi segantang' lebih menyeru masyarakat Melayu bekerja bersungguh-sungguh kerana rezeki itu tidak akan bertambah tanpa adanya usaha yang berganda.

Penegasan terhadap nilai terlalu dititik beratkan oleh orang Melayu. Dalam sistem ekonomi mereka merangkumi nilai perundangan Islam dan peradaban Melayu kerana asalnya bertitik tolak dari sifat-sifat kesantunan akal budi Melayu yang luhur, tidak mempunyai sikap yang berlumba-lumba dalam mengejar kekayaan malahan mempunyai pandangan bahawa aktiviti perniagaan dan perdagangan adalah hanya sebagai satu sistem sara diri sampingan bukannya satu aktiviti atau pekerjaan yang perlu dipandang serius. Melayu yang terdahulu pernah mengatakan bahawa kekayaan adalah 'daki dunia' di mana orang-orang yang memiliki kekayaan akan cenderung melakukan dosa ataupun mendorong mereka melakukan perbuatan keji seperti berhibur atau berpeleser di tempat-tempat maksiat kerana mempunyai lebihan wang. Terdapat juga golongan Melayu-Islam yang fanatik berpendapat bahawa mencari kekayaan di dunia akan melalaikan mereka daripada melakukan amal ibadah untuk menuju ke alam akhirat. Sependapat menyatakan bahawa golongan masyarakat bandar yang terpengaruh dengan gaya dan tamadun barat lebih mudah melakukan perbuatan-perbuatan yang melanggar batasan etika agama Islam berbanding dengan masyarakat Melayu

yang tinggal di pendalaman yang jauh dari segala perubahan dan pemodenisasi yang dibawa oleh dakyah barat. Fahaman-fahaman sedemikian adalah sebahagian daripada propaganda yang ingin menjauhkan orang-orang Melayu daripada melibatkan diri dalam sektor ekonomi moden.

Persepsi terhadap nilai dan etik Islam dalam bidang perniagaan amat meluas diperkatakan dalam dalil al-Quran dan nas al-hadith. Keperluan terhadap ilmu perniagaan dan perdagangan, amat perlu dipelajari bukan setakat diwarisi oleh orang-orang Melayu dari generasi ke generasi sebagai alasan faktor kebakaan dan ketetapan qada' dan qadar semata. Kaedah perniagaan yang dijalankan sama ada secara tradisi mahu pun komersial akan dapat membentuk nilai-nilai ekonomi yang mapam sekiranya manusia Melayu berkebolehan membuat saingan dengan mengenepikan beberapa nilai yang merangkumi sosialisasi orang-orang Melayu terhadap perniagaan. Mengikut Wan Abdul Kadir dalam rencananya, **Kedudukan Nilai-Nilai Ekonomi Orang Melayu** mengatakan, *“Proses sosiolisasi budaya perniagaan itu memerlukan jangka masa yang lama dan tidak mungkin dapat dipelajari secara mudah”* (1993 : 93).

Terdapat di kalangan masyarakat Melayu mempercayai bahawa bidang perniagaan merupakan satu warisan yang sedia ada pada sesuatu kaum atau berjaya dikuasai oleh satu-satu kelompok sedangkan setiap ilmu perniagaan itu adalah dipelajari dan diamalkan sebaik mungkin bagi memperoleh keuntungan. Peniaga-peniaga Melayu walaupun sudah mengalami pelbagai perubahan dalam dasar ekonomi yang diuar-uarkan oleh

kerajaan namun konsep-konsep tradisi seperti rezeki, berkat, riba dan malu masih menjadi titik tolak dalam amalan perniagaan yang diceburi.

Dalam kajian ini perubahan pandangan dunia peniaga-peniaga ternyata terhadap konsep-konsep yang diutarakan, Perubahan pandangan dunia ini boleh dijelaskan seperti yang dibincangkan dalam sub-sub topik di bawah, konsep-konsep yang diutarakan telah dipandang sebagai satu paksi yang mendorong peniaga-peniaga melakukan sesuatu yang positif dalam pengurusan perniagaan.

Perniagaan kecil yang ditakrifkan oleh sesebuah masyarakat juga berbeza dengan sesebuah masyarakat yang lain mengikut tahap ekonomi yang dicapai dan jenis perniagaan yang dijalankan.

Mengikut takrifan yang diberikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa (MITI) di dalam prosedur memberi bantuan dan pengelasan peniaga-peniaga kecil adalah mana-mana perniagaan yang modal berbayar kurang daripada RM 500,000 dan bilangan pekerjaanya yang tidak melebihi 20 orang.

Terdapat juga peniaga-peniaga kecil ini didaftarkan di bawah perniagaan tunggal, syarikat perkongsian, sendiri dan ada juga yang tidak didaftarkan langsung dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Sumber : Malaysia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri : Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP 2) 1996-2005).

Mengikut laporan Kertas Kerja Seminar Ekonomi Bumiputera (1973: 166) menyatakan bahawa :

"Perniagaan-perniagaan kecil meliputi segala usaha pengeluaran, jualan barang dan perusahaan Melayu dengan menggunakan jumlah modal tidak lebih daripada RM 50,000, menggunakan teknik pengurusan yang mudah dan pengurusan adalah pemilik peniaga itu."

Menurut Clifford M. Baunback (1995), secara khususnya, perniagaan kecil ialah perniagaan yang diuruskan secara aktif oleh pemiliknya, diuruskan secara perseorangan, sebahagian besarnya dikendalikan dalam kawasan tempatan, secara relatifnya bersaiz kecil dalam lingkungan industri dan sebahagian besarnya bergantung pada sumber modal dalam membiayai pertumbuhannya.

Konsep perniagaan kecil termasuklah perniagaan menjual makanan yang beroperasi di kawasan tumpuan orang ramai dan cepat mendapat pulangannya berbanding dengan jenis-jenis perniagaan lain. Kelazimannya peniaga-peniaga Melayu ini akan menggunakan pengalaman yang ada padanya untuk memulakan perniagaan serta pengurusan kedai dilakukan oleh pemiliknya.

Sebagai satu pendekatan, bidang perniagaan makanan seperti membuka restoran dijadikan satu kajian kes yang akan dilihat sebagai aktiviti moden yang dijalankan oleh orang-orang Melayu di kawasan perbandaran. Kawasan Utara Subang Jaya (USJ) adalah sebagai latar belakang kajian kes berdasarkan kawasan ini merupakan penempatan baru dibuka di mana terdapat banyak peluang-peluang ekonomi yang ditawarkan. Tambahan lagi, tempat kajian kes adalah pusat perniagaan dan pentadbiran kawasan USJ yang semakin pesat membangun dan diandaikan orang-orang Melayu yang berkecimpung dalam bidang perniagaan akan mempunyai persepsi dan

lebih cenderung ke arah aktiviti pertanian. Pertelingkahan-pertelingkahan ini dari awal dikatakan berpunca daripada pandangan dunia dan persepsi orang-orang Melayu terhadap beberapa konsep yang menjadi tunjang dalam kehidupan orang-orang Melayu. Konsep-konsep rezeki, berkat dan riba adalah terangkum secara khusus dalam ajaran Islam yang lebih dikenali sebagai konsep-konsep dari al-Quran (konsep Quranik) yang wajib diikuti manakala konsep malu pula adalah suatu konsep Melayu yang terbit daripada akal budi dan ilham rasa orang-orang Melayu yang mementingkan harga diri, nilai kehormatan atau maruah pantang sekali dimalukan dan berasa aib jika mendapat malu.

Rasionalnya konsep rezeki, berkat, riba dan malu diutarakan sebagai ukuran kes dalam perniagaan menjual makanan adalah dilihat dari aspek kemelayuannya dan keislamannya (bersifat Melayu dan Islam). Keempat-empat konsep ini saling berkaitan dan mempengaruhi antara satu sama lain di mana bidang perniagaan, keempat-empat konsep tersebut adalah pelengkap kepada ciri-ciri perniagaan Melayu yang berteraskan Islam. Orang-orang Melayu amat peka terhadap agama kerana Islam dilihat sebagai satu cara hidup yang sempurna oleh itu konsep rezeki, berkat dan riba adalah konsep-konsep dari Al-Quran yang merupakan satu pedoman yang terkandung segala arahan yang lengkap dan wajar diikuti oleh penganut-penganutnya. Konsep-konsep rezeki, berkat dan riba adalah kesinambungan konsep-konsep ekonomi Islam yang mementingkan keadilan dan tanggungjawab terhadap masyarakat (S. M Hasanuz Zaman, 1984 : 52). Konsep-konsep berlandaskan ajaran Islam ini dikatakan sebagai faktor utama

pandangan dunia yang berbeza daripada kajian-kajian lepas seperti Michael Swift (1965) yang melakukan kajian di sebuah kampung di Jelebu, Negeri Sembilan semestinya akan menemukan analisis yang berbeza sama sekali. Analisis kajian yang akan diperolehi adalah berdasarkan pada kerja-kerja pemantauan, temubual dan rujukan perpustakaan.

Dalam kajian ini, pandangan dunia orang-orang Melayu terhadap bidang perniagaan dilihat dari perspektif masyarakat Melayu dan perspektif agama Islam yang semestinya berlandaskan kepada ajaran al-Quran dan al-Hadith kerana orang-orang Melayu di negara ini adalah beragama Islam keseluruhannya. Perbincangan tentang orang-orang Melayu dan masyarakatnya menjelaskan bahawa orang-orang Melayu amat peka terhadap sensitiviti agama dan meletakkan ajaran Islam sebagai asas kepada semua jenis pekerjaan. Perniagaan merupakan suatu aktiviti ekonomi moden yang diceburi orang-orang Melayu secara komersial yang kini dilihat sebagai satu kerjaya penting sebagai pemangkin dan kemajuan masyarakat Melayu. Namun menurut persejarahan Melayu, orang-orang Melayu mula terkenal di Asia sejak dari abad ke-13 iaitu sebermulanya Islam di Semenanjung Tanah Melayu yang merangkumi empayar Kesultanan Melaka dan Tanah Jawa di Indonesia tetapi era penjajahan telah membawa suatu perubahan besar dalam aktiviti perniagaan yang terdahulu di mana kolonial telah membawa masuk idea-idea kapitalis yang secara langsung menyingkirkan orang-orang Melayu daripada sektor komersial itu.

Pertentangan ideologi kapitalisme dan Islam membawa orang-orang Melayu jauh ke pedalaman lalu meneruskan kegiatan ekonomi tradisi yang

kemunduran orang-orang Melayu dalam sektor ekonomi moden seperti perniagaan. Dapatan kajian yang bercanggah dengan nilai agama telah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji barat seperti Max Weber dan diikuti Parkinson yang mengatakan bahawa agama Islam menyebabkan orang-orang Melayu malas berusaha yang semata-mata menerima nasib yang ada pada mereka (1967: 336). Di sini dapatlah kita lihat bahawa sebenarnya Parkinson sebenarnya tidak memahami Islam kerana Islam amat menggalakkan umatnya berusaha dan bekerja bersungguh-sungguh untuk memperbaiki kehidupan mereka sebagaimana maksud firmanNya," *Sesungguhnya Allah tiada mengubah ke atas sesuatu kaum, kecuali jika mereka mengubah keadaan diri mereka sendiri*" (surah Al-Rad, 11).

Dalam kajian ini kita akan dapat mengetahui akan persepsi dan pandangan dunia masyarakat peniaga Melayu terhadap konsep-konsep yang diutarakan mengikut perspektif Islam dan pemikiran orang-orang Melayu setelah mengalami pelbagai proses perubahan sosio budaya dan sosio ekonomi. Orang-orang Melayu (khususnya masyarakat peniaga Melayu) yang telah lama dibebaskan daripada belenggu pemikiran penjajah seharusnya sudah mengalami proses anjakan paradigma tentunya mempunyai fahaman dan ideologi yang berlainan tentang perniagaan. Namun konsep-konsep rezeki, berkat, riba dan malu sebagai kerangka kosep kajian adalah untuk mengukur sejauh mana konsep-konsep tersebut mempengaruhi dan diterima pakai oleh peniaga-peniaga Melayu.

Konsep-konsep rezeki, berkat, riba dan malu dianggap sebagai konsep bukan Quranik (dijadikan kajian kes utama sejak era kolonial)

diharapkan dapat memberi gambaran baru terhadap peniaga-peniaga Melayu kini terutama di kawasan perbandaran baru yang serba moden, berbanding kebanyakan kajian yang dilakukan sebelum ini hanya bertumpu di daerah-daerah terpencil atau pekan-pekan kecil sahaja. Di akhir kajian, kita akan mendapati sejauh mana pandangan dunia peniaga-peniaga Melayu mempengaruhi sistem pengurusan perniagaan mereka sama ada masih ditakuk lama ataupun mula menunjukkan petanda-petanda positif yang membolehkan mereka bersaing dengan bangsa-bangsa lain.

1.6.1 Konsep rezeki

Menurut Kamus Lengkap (2001:148), rezeki adalah berasal daripada perkataan Arab, 'rizqun' yang bermaksud sumber pendapatan. Manakala Kamus Idris Al- Marbawi Edisi Baru ((1994 : 235) mengatakan rezeki bermakna tiap-tiap yang bermanfaat atau pemberian.

Rezeki yang bermaksud setiap pemberian Allah yang bermanfaat kepada makhluk-makhlukNya lebih merupakan satu pencarian nafkah sara diri dan keluarga yang hanya dapat diperolehi daripada usaha atau kerja yang berterusan. Sebagaimana yang terdapat dalam firmanNya yang bermaksud, "*Dan lainnya orang-orang yang musafir di bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah*" (surah Al- Muzamil, 20).

Masyarakat Melayu amat berkeyakinan bahawa setiap pekerjaan yang mereka lakukan mestilah datangnya daripada rezeki yang baik iaitu diperolehi secara baik, tidak melalui penipuan atau pengkhianatan di mana untuk mendapatkannya, orang-orang Melayu sentiasa berwaspada dengan

apa tindakan yang mereka lakukan agar dikurniakan Allah dengan pemberian atau rezeki yang banyak dan berkekalan. Bagi orang-orang Melayu yang teguh pegangan Islamnya, pemberian atau rezeki yang diberikan mestilah disusuli oleh rasa kesyukuran yang dilahirkan melalui perbuatan-perbuatan memberi sedekah atau mengeluarkan zakat kerana Allah merahmati (mensejahterakan) kehidupan mereka. Kebenaran ini dinyatakan dalam firmaNya yang bermaksud,

Allah yang memudahkan laut bagi kegunaan kamu, supaya kapal-kapal belayar padanya dengan perintahNya, dan supaya kamu mencari rezeki dari limpah kurniaNya dan juga supaya kamu bersyukur. Dan dia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi (sebagai rahmat pemberian daripadaNya)."
(Al-Jathiah, 12-13)

Tiap-tiap manusia dituntut mencari rezeki semasa hidupnya. Mata pencarian ada terbuka luas kepada tiap-tiap makhluk yang bernyawa. Kebanyakan di dunia ini diperuntukkan supaya dinikmati bersama dan selaras dengan usaha mereka masing-masing. Oleh itu terpulanglah kepada individu itu sendiri bagaimana mereka mendapatkan rezeki dan bagaimana mereka lakukan terhadap rezeki itu bagi menjadikannya lebih banyak dan bermanfaat.

Sebagaimana terdapat dalam firmanNya yang berbunyi :

Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu, malah digunakan maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya serta makanlah dari rezeki yang dikurnia Allah kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula (Al-Muluk : 15).

Konsep rezeki dalam takrifan masyarakat Melayu adalah lebih meliputi kepada segala pemberian atau ganjaran yang diturunkan Allah kepada umatnya yang bertungkus lumus bekerja untuk mendapatkan pendapatan yang membolehkan mereka menara kehidupan. Rezeki yang diberikan adalah satu

nikmat yang diperolehi bagi mereka untuk menyambung penghidupan di dunia ini.

Masyarakat Melayu yakin dengan segala pemberian di dunia ini adalah pemberian daripada tuhan terhadap umat manusia tidak mengenal bangsa, agama dan keturunan. Rezeki adalah satu keperluan yang wajib dicari dan diterokai seluas-luasnya untuk mendapat kekayaan dan kedudukan dalam masyarakat. Rentetan itu segala sumber adalah pemberian dari Allah SWT, ia dinamakan rezeki. Konsep rezeki tidak terhad kepada sumber, hasil, produktiviti tetapi ia adalah segala kenikmatan, kemewahan, kesihatan, kesejahteraan dan hal-hal yang sehubungan dengannya (Zainal Abidin Borhan, 1995 : 11)

Dalam kajian ini rezeki adalah satu takrifan kepada pulangan hasil daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan. Kelebihan atau kekurangan rezeki pada lazimnya diukur dengan cara peniaga Melayu itu mengendalikan perniagaan sama ada dengan secara jujur ataupun penyelewengan. Orang-orang Melayu sangat yakin bahawa kejujuran dalam kehidupan terutamanya apabila melibatkan soal modal dan kewangan adalah sebagai penentu kepada rezeki. Konsep rezeki ini juga amat berkait dengan konsep berkat di mana jika seseorang menjalankan urusan secara jujur akan diberkati dan dikurniakan rezeki yang banyak. Orang-orang Melayu yang berpegang teguh kepada ajaran Islam menitikberatkan tentang rezeki yang halal atau haram di mana rezeki yang halal dipercayai membawa kesejahteraan manakala rezeki yang diperolehi secara haram akan mendapat bala dan perlu dihindari.

Dalam kajian ini konsep rezeki akan dilihat dari pelbagai aspek perniagaan termasuklah jumlah keuntungan yang diperolehi dan pengaruhnya dalam sistem perniagaan yang dijalankan. Konsep rezeki ini akan mendapatkan satu rumusan yang akan menjelaskan bagaimana ia dapat menentukan kejayaan ataupun kegagalan sesebuah perniagaan kerana orang-orang Melayu juga amat berpegang teguh pada pepatah yang mengatakan 'rezeki secupak tidak akan jadi segantang'. Orang-orang Melayu kebanyakannya masih lagi dibayangi oleh konsep kedua ini malah dilaporkan oleh pengkaji-pengkaji barat sebagai faktor penghalang dalam kemajuan bidang perniagaan yang diceburi oleh orang-orang Melayu. Dalam kedua-dua hubungan ini akan dilihat dan dapat diketahui cara pemikiran peniaga Melayu sama ada masih menerima pakai adat ini ataupun sebaliknya setelah melalui pelbagai perubahan iklim ekonomi dan memenuhi tuntutan keperluan aktiviti ekonomi moden.

Konsep rezeki dalam konteks ajaran Islam dan adat resam orang-orang Melayu mempunyai dua visi yang berlainan. Konsep rezeki dalam usaha mencari keberkatan lebih mengajar manusia Melayu supaya lebih berhati-hati dalam hubungan kemasyarakatan yang mengelak daripada berlakunya penindasan manakala konsep rezeki dari perspektif adat cenderung mengajar masyarakat Melayu supaya bersedia dan rela menerima nasib ketentuan tuhan seadanya. Kedua-duanya akan dilihat keberkesanannya dalam perniagaan makanan di kalangan peniaga-peniaga Melayu.

Konsep rezeki dalam pemikiran orang-orang Melayu dipercayai mempunyai kaitan langsung dengan nasib yang diterima oleh seseorang.

Peniaga-peniaga Melayu sering menyangkakan bahawa setiap sen pendapatan yang diperoleh adalah rezeki yang sudah ditentukan oleh Allah terhadap mereka dan itulah nasib yang ditakdirkan ke atas mereka berdasarkan kepada rukun Iman yang akhir iaitu qada' dan qadar. Dari fahaman ini melahirkan konsep rezeki secupak tidak akan jadi segantang yang seterusnya menyelubungi pemikiran masyarakat Melayu. Nilai yang dipegang ini secara langsungnya menjadi kekangan utama yang menyekat kemajuan orang-orang Melayu yang kurang memahami pengertian qada' dan qadar kerana dalam al-Quran juga menyeru umat manusia berusaha kerana Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu kecuali kaum itu sendiri yang mengubahnya. Fahaman dari konsep rezeki secupak tidak akan jadi segantang sekaligus memundurkan masyarakat peniaga yang bersaing dengan peniaga bangsa lain yang tidak berpegang pada mana-mana konsep seumpama ini. Konsep rezeki secupak tidak akan jadi segantang ini menyebabkan peniaga-peniaga Melayu jauh ketinggalan di belakang. Michael G. Swift (1965) dalam bukunya, **Malay Peasant in Jelebu**, dalam kajiannya terhadap masyarakat petani di Jelebu, Negeri Sembilan ada menyatakan bahawa :

".....seseorang yang tidak beroleh kejayaan sebagaimana yang dicapai oleh jiran-jirannya tidak akan merasa bahawa ia adalah seorang yang kurang berusaha atau kurang kebolehan tetapi ialah kerana ia mempunyai rezeki.

Swift dalam pernyataan ini cuba menerangkan bahawa dalam pemikiran orang-orang Melayu telah dipengaruhi dengan konsep rezeki manusia yang bergantung pada nasib yang ditentukan ke atasnya. Pemahaman sedemikian merupakan satu faktor penghalang utama yang menyebabkan kurangnya daya usaha mereka untuk memperoleh rezeki yang

melimpah ruah atau mendapat kekayaan kerana membayangkan harta dan pendapatan adalah suatu nasib atau takdir. Fahaman atau persepsi masyarakat Melayu Islam ini memberi peluang kepada penganalisis barat membuat tohmahan dan hipotesis yang sumbang lagi tidak adil terhadap ajaran Islam seterusnya meletakkan agama sebagai punca sebenar kemunduran orang-orang Melayu.

1.6.2 Konsep Berkat

Berkat berasal dari perkataan Arab ' Berakat'. Menurut Kamus Idris Al-Marbawi Edisi Baru (1994: 50), 'berakat' membawa makna kebahagiaan yang bertambah-tambah. Manakala Kamus Dewan, perkataan berkat memberi maksud rahmat dan restu.

Dari perspektif Islam, konsep berkat meliputi aspek-aspek yang membawa kepada kebahagian kepada seseorang individu sekiranya mereka melakukan sesuatu pekerjaan yang tidak bersalah dengan peraturan agama Islam. Setiap individu atau umat Islam yang melanggar suruhan seperti yang termaktub di dalam al-Quran dan al-hadith seperti melakukan penipuan, penyelewengan dan penindasan untuk mendapatkan rezeki, akan diberi ganjaran atau pembalasan daripada Allah yang berupa malapetaka, kesusahan dalam kehidupan dan mengalami kesukaran untuk mencari rezeki seterusnya.

Orang-orang Melayu percaya bahawa hasil pencarian atau nafkah (rezeki) yang diperolehi daripada sumber yang tidak diberkati (melalui

penipuan, penyelewengan dan penindasan) akan mengalami nasib malang di mana hartanya akan kehabisan dengan sia-sia seperti musnah dalam kebakaran, dirompak orang atau mengalami kemusnahan dalam bencana alam. Orang-orang Melayu sering berpendapat harta yang dicari dengan sumber yang haram, merupakan harta yang 'panas' dan akan cepat 'terbakar' (habis). Justeru orang-orang Melayu amat berhati-hati dalam mencari rezeki agar hasil pendapatannya adalah suci daripada perbuatan-perbuatan tersebut dan perkara yang lebih penting ialah mendapat keberkatan daripada Allah s.w.t. Rezeki yang dicari dengan jalan yang baik, akan bertambah-tambah banyaknya. Orang-orang Melayu yakin bahawa Allah s.w.t. mencucuri keberkatan ke atas umatNya yang taat pada suruhan-suruhanNya.

Orang-orang Melayu yakin dengan setiap usaha yang dijalankan di dunia ini perlu mendapat keberkatan daripada Allah. Segala amalan yang dilakukan oleh orang-orang Islam merupakan satu ibadah yang perlu dilakukan mengikut suruhan tuhan yang bukannya mengikut runtunan nafsu yang membolehkan manusia kecundang.

Masyarakat peniaga Melayu sering kali berhadapan dengan permasalahan modal atau sumber kewangan sebelum memulakan perniagaan. Masyarakat Melayu yang masih kukuh dengan pegangan nilai keagamaannya tidak akan memilih sistem kewangan atau perbankan sekular untuk mendapatkan modal kerana perbuatan ini melibatkan sistem riba yang dilarang oleh ajaran Islam. Riba menurut al-Quran, adalah satu perbuatan dosa besar yang boleh menyengkirkan keberkatan ke atas setiap penganutnya. Harta dan rezeki yang diperoleh dan dikumpul melalui hasil usaha yang

bercampur baur dengan riba akan mengalami kemasuhan kerana dilaknat atas perbuatan-perbuatan yang menindas golongan yang lemah. Konsep ekonomi Islam yang dianjurkan lebih menitikberatkan tentang kesederhanaan, stabil dan seimbang.

Menurut Afzar-ur Rahman (1991: 12) kejayaan sistem ekonomi Islam bergantung sejauh mana pengubahsuaian dapat dilakukan antara keperluan kebendaan dan keperluan etika yang diperlukan oleh manusia. Sistem ekonomi Islam tidak melupakan ciri asas kemajuan manusia yang bergantung kepada sejauh mana kejayaan mengordinasikan suasana harmoni antara aspek moral dan kebendaan dalam kehidupan manusia. Apabila nilai-nilai moral dipisahkan daripada kemazuan ekonomi, ia akan kehilangan kuasa yang mampu mengekalkan kestabilan dan keseimbangan dalam sistem sosial.

Konsep keberkatan ke atas rezeki yang dicari merupakan tunjang dalam asas pencarian harta di kalangan orang-orang Melayu Islam yang kebal keimanannya, ia perlu dijauhi supaya umat manusia akan mendapat keredhaannya dalam hidup sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran yang bermaksud :

" orang yang memakan riba, tiada berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang dibantingkan syaitan kerana gila. Demikian itu kerana mereka berkata : Jual beli itu hanya seperti riba. Maka sesiapa yang menerima pengajaran dari Tuhananya lalu berhenti (melakukan riba), maka untuknya apa yang telah berlaku dan urusannya terserah kepada Allah. Barang siapa kembali serta kekal di dalamnya. Allah menghapuskan (berkat) riba mabah (berkat) sedekah dan Allah tiada mengasih tiap-tiap orang kafir yang berdosa."

(surah al-Baqarah ayat 275-276)

Masyarakat Melayu moden yang sebahagiannya terdidik dan mempunyai fahaman sekular sudah mengalih pandangan mereka kepada sistem perbankan moden tetapi pencapaian mereka bagi meningkatkan

peratusan blok carta dalam sektor perniagaan masih lagi rendah berbanding dengan bangsa-bangsa lain.

Bagi masyarakat peniaga Melayu, konsep berkat bukan sahaja perkara-perkara yang melibatkan tentang pengambilan riba yang berupa wang modal atau wang pusingan yang diperoleh tetapi meliputi wang keuntungan daripada jual beli yang berlaku dan bagaimana keuntungan diperolehi. Bagi mendapatkan keberkatan yang dituntut oleh agama, peniaga-peniaga Melayu dikehendaki menjalankan urusan perniagaan yang tidak melibatkan sebarang penipuan sama ada yang dilakukan terhadap pelanggan melalui 'mark up price' atau membuat penipuan dari segi kualiti dan kuantiti yang dijual. Urusan perbankan secara muamalat (kira bicara tentang perniagaan) dilakukan mengikut kendalian pengurusan perniagaan dengan cara yang dituntut oleh agama dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam masyarakat supaya laluan berkat terbuka luas. Konsep ini merupakan tunjang utama untuk mendapatkan rezeki yang banyak dan berpanjangan. Peniaga-peniaga Melayu amat mempercayai kedudukan atau status perniagaan mahupun kehidupan mereka adalah bergantung semata-mata kepada berkat yang dikurniakan Ilahi. Sebuah perniagaan yang tidak stabil akan dikaitkan dengan keberkatan, seseorang peniaga Melayu yang kecundang dalam aktiviti ekonomi mereka dikatakan tidak mendapat keberkatan itu. Faktor-faktor yang dipercayai sebagai penyebabnya adalah seperti tidak mengamalkan nilai agama dan mengamalkan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan agama. Konsep ini merupakan faktor utama yang dikatakan akan menentukan kejayaan atau kegagalan sebuah perniagaan yang diceburi oleh peniaga

Melayu. Walaupun konsep berkat ini adalah satu konsep yang eksplisit yang tidak dapat dijelaskan melalui teori yang dikarang manusia namun pemikiran dan hubungkaitnya dengan agama adalah erat dan tidak akan dianggap sebagai satu perkara mudah, diaplikasikan dan kesannya mendalam terhadap perniagaan yang diceburi oleh orang-orang Melayu.

1. 6.3 Konsep Malu

Menurut Kamus Dewan, perkataan malu bermakna berasa aib, hina dan rendah diri (1994: 851). Perkataan malu dalam konteks perbincangan konsep, ia lebih menumpukan terhadap fahaman orang-orang Melayu yang sentiasa bersifat rendah diri, takut dimalukan (mendapat malu) dan memalukan (memberi malu).

Konsep malu yang terkandung dalam pemikiran Melayu mempunyai kaitan dengan maruah yang berasal daripada perkataan Arab, 'marwah' yang bermaksud, berani seperti seorang lelaki dan bermalu (Kamus Idris Al-Marbawi, 2001:250). Manakala Karnus Dewan (1994: 862) memaksudkan maruah sebagai keberanian, kegagahan, kehormatan dan harga diri.

Konsep malu berkait rapat dengan maruah kerana orang-orang Melayu amat peka akan pandangan masyarakat terhadap seseorang individu. Orang-orang Melayu sanggup berbuat apa-apa sahaja untuk mengekalkan identiti atau kedudukan mereka di mata masyarakat daripada dimalukan orang terutamanya tentang perkara-perkara yang membabitkan harga diri seseorang yang terbukti dalam kisah-kisah Sejarah Melayu karya Tun Sri Lanang. Natijahnya orang-orang Melayu amat mementingkan imej yang yang baik di

mata masyarakat. Keadaan-keadaan yang memalukan orang-orang Melayu seperti 'menconteng arang di muka', 'membuka pekung di dada' jelas menggambarkan jiwa Melayu yang tidak suka dimalukan orang lebih-lebih lagi di khalayak ramai.

Justeru orang-orang Melayu amat berhati-hati dalam setiap perlakuan mereka sama ada dalam sektor ekonomi dan sosial kerana setiap yang berlaku akan mendatangkan pelbagai kesan, kelazimannya kesan-kesan buruklah yang mengundang rasa malu lalu orang-orang Melayu bersungguh-sungguh cuba menghindari daripada mendapat malu. Malu juga dikatakan dapat menggugat kedudukan sosial seseorang. Orang-orang yang mendapat malu cuba menyembunyikan diri daripada pandangan masyarakat, implikasinya mereka yang terlibat akan dikecam, dihina dan tidak dihormati.

Konsep malu yang melibatkan maruah pada pandangan Islam amatlah besar pengertian maknanya kerana manusia adalah sebaik-baik kejadianNya yang mempunyai akal fikiran dan dituntut untuk menjaga maruah diri atau kehormatan mereka. Sebagaimana firmanNya yang berbunyi, "Sesungguhnya kami telah mencipta manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya) (Al-Tin : 4).

Sifat malu yang tercetus dalam naluri manusia Melayu yang mempunyai beberapa pengelasan istilah malu demi mempertahankan maruah dan kehormatan bangsanya yang menekankan kepada aspek-aspek jati diri seperti mereka menjaga perasaan dan emosi sebagai lambang mempertahankan nilai bangsanya. Pelbagai sentimen yang timbul dalam masyarakat Melayu sering diukur dan dinilai mengikut tahap rasa malu iaitu

sebagai pihak yang memalukan atau mendapat malu. Dalam perbincangan yang tidak formal, rasa malu yang timbul akibat sesuatu kejadian yang dilakukan itu akan menimbulkan rasa malu ataupun sebaliknya.

Mc. Dougall dalam James Drever (1971), *A Dictionary of Psychology* menyatakan perasaan malu adalah sebagai “ *discomfort in presence of other people, arising from intense self consciousness, due to the simultaneous evolving of positive and negative self feeling* ” . Pendapat ini mempunyai persamaan dengan Hughes R (1965) dalam bukunya *The Peoples of Malaya* yang menyatakan konsep malu yang berada dalam masyarakat Melayu meliputi semua tingkah laku, amalan kepercayaan dan cara hidup yang menggambarkan nilai dan maruah bangsa. Sistem kepercayaan mengikut Hughes, sifat ini bertepatan dengan ajaran Islam yang memandang berat tentang aib dan malu. Beliau juga menyatakan maksud *shame* , ” *A complex emotional state, involving negative self feeling or disapprovable feeling of inferiority or defect but incapable of being experienced for a self sentiment has been developed* ” .

Kepercayaan orang Melayu yang berteraskan agama Islam dikatakan berkait rapat dengan persoalan moraliti ini lebih cenderung kepada sifat malu yang dituntut oleh ajaran Islam kerana dalam hadith sahih Bukhari Muslim ada menyatakan, “ *Malu itu suatu ciri akhlak yang mulia kerana ia menghindarkan seseorang daripada melakukan sesuatu yang terkutuk.* ” Sifat malu yang dimaksudkan di sini menyalahi dari aspek nilai

kemasyarakatan kerana yang dimaksudkan di sini adalah malu untuk melakukan sesuatu perbuatan keji dalam masyarakat.

Dalam kajian ini konsep malu bertanya sesat jalan sebagaimana yang dikatakan oleh masyarakat dahulu kala dalam peribahasanya lebih tepat dijadikan kayu pengukur dalam amalan perniagaan Melayu. Sifat malu yang tertanam dalam jiwa orang-orang Melayu bukan sahaja dibatasi oleh ajaran Islam malah lebih kepada perasaan rendah diri yang terlampaui yang akan menyebabkan bangsa ini gagal melakukan sesuatu perkara yang positif kerana malu untuk bertanya mendapatkan maklumat dan mempelajarinya daripada orang lain. Sifat malu ini dapat dilihat di kalangan peniaga-peniaga Melayu yang malu untuk belajar ilmu perniagaan daripada bangsa-bangsa lain terutamanya Cina tentang selok-belok perniagaan lebih-lebih lagi tentang merekodkan sistem kira-kira dan catatan harian pengurusan kewangan. Malu untuk bertanya dan mempelajari adalah suatu kebimbangan atau takut dilabelkan sebagai seorang yang jahil dalam perniagaan dan menjatuhkan maruah diri.

Dalam kajian ini, konsep malu bertanya sesat jalan akan dilihat penggunaannya dalam sistem perniagaan yang diceburi oleh peniaga-peniaga Melayu. Sifat malu ini yang dihadapi oleh kebanyakan peniaga Melayu merupakan salah satu duri dalam daging yang sering kali membuatkan seseorang itu gagal dalam perniagaannya. Sifat malu ini sukar untuk dikikis namun setelah berlakunya anjakan paradigma di kalangan masyarakat Melayu yang menceburi diri dalam sektor ekonomi moden, mungkin konsep malu

sudah mengalami satu persepsi baru yang akan dikaji nanti. Perbincangan lanjut tentang malu akan dibincangkan dalam Bab 4.

1.6.4 Konsep Riba

Riba berasal dari perkataan bahasa Arab, menurut Kamus Idris al-Marbawi (2004: 223) riba membawa maksud berlaba ia pada keuntungan atau laba. Dalam pengertian bahasa Arab secara umumnya, riba bermakna lebih atau bertambah. Pengertiannya di dalam syarak (perundangan Islam) ialah : akad yang terjadi dengan penukaran yang tertentu, tidak diketahui sama atau tidaknya menurut aturan syarak atau terlambat menerimanya (Haron Din, 2003: 509).

Menurut Apendi Sali (2000 :58) riba ialah lebihan atau pertambahan yang dikenakan kepada sebelah pihak kerana pertukaran barang, wang, hutang piutang dan sebagainya. Rata-rata ahli ulamak dan cendekiawan Islam membahagikannya kepada dua jenis iaitu riba Al-Fadl dan An-Nasiah.

Riba Al-Fadl merupakan pertambahan yang berlaku disebabkan pertukaran barang yang sama jenis seperti seseorang menukar beras lama dengan beras baru dengan kawannya. Manakala riba An-Nasiah ialah pertambahan bayaran disebabkan masa pembayaran tertangguh seperti seseorang telah meminjam wang sebanyak RM 300 dan membayar balik sejumlah RM 350 kerana melewati tempoh bayaran balik (Afendi Sali ,2000: 58)

Hukum melakukan perbuatan riba dalam aktiviti perniagaan ternyata haram dan dijanjikan akan mendapatkan balasan yang buruk daripada Allah s.w.t semasa di hari akhirat kelak. Keterangan pengharaman riba dan pembalasan yang akan diterima sekiranya mungkar dengan suruhanNya. Sebagaimana firmanNya yang bermaksud," *Orang yang makan riba tidak boleh berdiri (pada hari kiamat) melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan*" (Al- Baqarah, 275).

Larangan dan pengharaman terhadap riba adalah sesuatu yang wajar kerana amalan ini akan mengundang kepada perilaku penindasan, kezaliman dan penekanan daripada golongan kapitalisme yang tidak mempedulikan nilai-nilai kemasyarakatan seperti keadilan dan kesejahteraan dalam masyarakat. Malah amalan riba akan melahirkan lebih banyak manusia yang luntur nilai-nilai murninya dan terpesong dari norma kemasyarakatan. Alah telah mengisyiharkan perang ke atas peniaga-peniaga yang mengamalkan riba seperti firmanNya yang bermaksud,

" Wahai orang-orang yang beriman, Bertakwallah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (yang menuntut lagi) saki baki riba(yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika (benar) kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu akan ada peperangan dari Allah dan rasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu (dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa."

(Al-Baqarah, 278-279)

Kaum kapitalis bebas memilih jalan untuk mencari keuntungan yang berlipat ganda bahkan memakan riba adalah satu jalan yang baik untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan. Tetapi Islam hanya mengakui milik

dengan cara yang halal sahaja, manakala cara yang haram tidak diakuinya. Islam mengadakan batas-batas supaya orang ramai jangan ditindas. Riba dilarang keras dalam Islam. Di samping itu Islam selalu menganjurkan keikhlasan hati kepada Allah supaya dia sentiasa jujur kepada dirinya dan orang ramai. Dan tujuan Islam ialah untuk mencari keredhaan Allah (Haron Din, 2003 :493).

Ternyata persepsi riba dalam fahaman kapitalis adalah berbeza sekali dengan ajaran Islam. Kedua-duanya mempunyai fungsi yang berlainan arah tujuan kerana kapitalisme terarah kepada keuntungan yang berlebih-lebihan tanpa memikirkan pihak lain yang dihimpit oleh masalah kewangan sebaliknya Islam amat menentang sekeras-kerasnya penindasan tersebut sebagaimana adanya dalil-dalil dari al-Quran. Idea-idea kapitalisme terbukti lebih mementingkan diri serta menganggap hak mereka (harta benda dan wang tunai) adalah yang mutlak atau hakiki, membuatkan orang-orang Melayu menolak idea ini kerana orang-orang Melayu mempunyai nilai-nilai kemasyarakatan yang tinggi seperti berbudi, suka tolong-menolong, hormat-menghormati, bertimbang rasa, mempunyai perasaan kasihan belas, simpati dan bertolak ansur, tambahan lagi mereka amat takut dengan pembalasan yang bakal diterima di akhirat kelak. Keperihalan ini terbukti dengan adanya peribahasa yang mengatakan, 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing' jelas menggambarkan orang-orang Melayu sebagai satu bangsa yang sanggup menghadapi apa situasi bersama-sama jauh sekali akan menindas sesama sendiri, jika ada berlaku demikian mereka selalunya akan kembali kepada al-Quran dan melaikan masalah tersebut mengikut landasan agama Islam.

Dalam perniagaan Melayu, sebagaimana yang dijelaskan dalam konsep berkat, orang-orang Melayu akan mencari jalan atau ikhtiar supaya perniagaan yang mereka ceburi akan mendapat keberkatan daripada Allah. Justeru peniaga-peniaga Melayu sedaya upaya akan menjauhi perkara-perkara terlarang seperti riba. Riba yang dimaksudkan kelebihan berasal daripada perkataan Arab menjelaskan bahawa segala bentuk pinjaman yang dilakukan akan mengenakan faedah yang tinggi terhadap si berhutang. Amalan-amalan riba ini akan membuatkan sesebuah institusi perniagaan runtuh kerana cara pembayaran serupa ini menimbulkan skim-skim perbankan secara haram yang menekan dan menghimpit peniaga. Riba yang dijelaskan oleh agama Islam adalah satu penindasan yang merosakkan masyarakat kerana orang-orang yang terlibat dengannya akan mengalami gangguan emosi dan mental. Pembayaran balik hutang secara berlebihan dan keterlaluan menyebabkan peniaga-peniaga kekurangan modal pusingan untuk meluaskan perniagaan.

Konsep riba yang berdasarkan kepada sistem ekonomi kapitalis sering dikaitkan dengan faktor kegagalan masyarakat Melayu dalam perniagaan yang lebih besar dan bermakna kepada sesebuah masyarakat. Pendapat Max Weber(1965) yang seumpama ini tidak dapat menjelaskan sistem ekonomi yang diceburi oleh peniaga-peniaga kini. Riba adalah suatu pilihan yang bukan merupakan satu kemestiaan untuk menjalankan sebuah perniagaan kerana peniaga-peniaga kini terdapat pelbagai alternatif untuk mengelakkan diri daripada terjebak ke dalam kancahnya. Pemikiran-pemikiran konservatif yang dibawa oleh orientalis barat tidak dapat memenuhi keperluan-

keperluan sistem ekonomi orang-orang Melayu kerana sistem ekonomi mereka lebih menjurus kepada sistem ekonomi Islam yang luhur (Afzar Rahman, 1991:12) dan mementingkan keseimbangan dalam masyarakat. Islam melarang sekeras-kerasnya riba dalam kehidupan manusia terutamanya dalam bidang perniagaan yang menjadi sumber rezeki untuk menyara seisi keluarga kerana perolehan yang didapati akan menjadi darah daging manusia dan keadaan itu akan sebatи buat selama-lamanya hingga ke generasi seterusnya. Masyarakat Melayu amat percaya bahawa mereka akan hilang keberkatan sekiranya mengamalkan riba ataupun bersubahat dengannya.

Larangan terhadap riba ini seringkali diberi peringatan di dalam al-Quran yang menjadi pegangan utama orang-orang Melayu di mana Allah telah menjanjikan akan balasan bagi orang-orang yang mengamalkannya dan bagi mereka yang tidak mengamalkannya akan dijanjikan dengan sebuah kejayaan. Seperti dalam ayat yang bermaksud, " *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah supaya kamu berjaya*" (Surah Al-Imran ayat 130).

Berpandukan kepada ayat-ayat larangan yang terkandung dalam kitab suci orang-orang Islam, natijahnya orang-orang Melayu terutama golongan peniaga Melayu sedaya upaya menjauhi riba semata-mata ingin memperoleh kejayaan di dunia dan di akhirat. Perbincangan tentang riba ini, selanjutnya akan dibicarakan dalam Bab 4.

Konsep-konsep rezeki, berkat dan malu serta konsep riba merupakan konsep-konsep dari al-Quran yang masih dipegang oleh majoriti

peniaga Melayu kerana ia dianggap sebagai suatu budaya yang tidak pernah lekang dan terus diamalkan dalam masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan. Kerangka konsep ini akan dikaji penggunaannya dan kekesanannya dalam aktiviti perniagaan makanan yang diceburi oleh peniaga-peniaga Melayu.

1.7 Sistematika Penulisan

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab utama iaitu :

Bab Satu - Pendahuluan

Bab Dua - Latar Belakang Tempat Kajian : Perniagaan Makanan di USJ
(Utara Subang Jaya)

Bab Tiga - Konsep Rezeki dan Berkat dalam Perniagaan Menjual Makanan

Bab Empat - Persepsi Konsep Malu dan Riba dalam Perniagaan

Bab Lima - Penutup

Kesimpulan

Masyarakat Melayu di Malaysia yang mempunyai *world view* yang kurang mendalam telah menjalani satu sistem ekonomi yang masih kurang memuaskan terutamanya dalam aktiviti perniagaan kerana masih dibelenggu oleh beberapa konsep yang bersifat Quranik namun perubahan dari aspek pemikiran yang lebih maju, anjakan paradigma berlaku dan sedikit sebanyak mempengaruhi masyarakat Melayu untuk menyertai aktiviti ekonomi moden seperti menceburi bidang perniagaan. Sistem ekonomi tradisi yang diceburi oleh orang-orang Melayu seperti pertanian dan perniagaan yang berdasarkan hasil taninya, sudah lama dibangunkan berlandaskan teknologi moden namun

capaian mereka dalam bidang ini tetap di tahap rendah. Pelbagai peluang dalam bidang perniagaan dan keusahawanan yang dianjurkan oleh kerajaan masih tidak dapat membantu. Sikap mahu berjaya dan menyaingi bangsa-bangsa lain dalam bidang ini amat kurang memberangsangkan walaupun sering kali dasar dan perancangan ekonomi untuk warga Melayu tidak pernah terlepas pandang dalam pembentangan belajawan negara setiap tahun. Hal-hal seperti ini akan terus berulang sekiranya peniaga-peniaga Melayu masih lagi berpandangan negatif seperti takut akan akibat yang akan diterima sekiranya gagal memenuhi konsep-konsep yang diuraikan di atas. Sebagai seorang peniaga Melayu yang ingin berjaya dan dapat mengaut kekayaan dalam bidang ini haruslah bersikap fleksibel, lebih terbuka dan menjadikan konsep-konsep ini sebagai satu faktor pemangkin kejayaan mereka. Kajian ini berlandaskan konsep-konsep tradisi sebagai ukurantara bagi sebuah perniagaan kecil berupa perniagaan makanan dan keberkesanannya perkembangan perniagaan yang mereka jalani di kawasan kajian.